

Headline	Malaysia terus kehilangan hutan bakau		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	05 Sep 2013	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	4	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	518 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,177
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,532



Malaysia terus kehilangan hutan bakau

HUTAN bakau di Semenanjung, Sabah dan Sarawak semakin terancam akibat tekanan daripada pertambahan penduduk dan pembangunan di kawasan pesisir.

Keadaan populasi yang dinamik dan sentiasa berubah membawa kepada perubahan penggunaan tanah juga berubah selain penggunaan sumber yang berlebihan.

Keadaan ini diburukkan lagi oleh amalan hutan tidak lestari, pertukaran status tanah/penebusan tanah bagi pertanian, akuakultur, perlombongan, perindustrian, pengembangan pelabuhan, perbandaran, pelancongan, pembangunan infrastruktur.

"Contohnya, banyak daripada rizab bakau yang diwartakan semasa zaman penjajah telah wartakan semula untuk kegunaan lain," kata Cheryl Rita Kaur, seorang penyelidik kanan di Pusat bagi Institut Maritim Malaysia bagi Persekitaran Pesisir dan Marin (MIMA).

Hutan bakau yang terselamat daripada kemusnahan pula diancam oleh pencemaran pesisir yang disebabkan oleh sisa buangan domestik dan industri.

"Oleh itu, satu keseimbangan perlu dicari dalam memenuhi keperluan semasa yang terus meningkat di satu pihak dan memulihara sistem sokongan alam sekitar di pihak satu lagi," katanya.

Terdapat pelbagai pilihan bagi kerajaan dan kesemua mereka yang mempunyai kepentingan dalam mencapai matlamat ini.

Memandang kepada potensi pelbagai gunanya, adalah wajar bagi pengurusan ekosistem darat dan akuatik berasaskan kepada hutan bakau diambil kira mengikut konteks perancangan bersepadu kawasan pesisir, kata beliau.

Ini pada hakikinya memerlukan kerjasama serta komitmen antara agensi-agensi serta pihak berkepentingan untuk memastikan kelestarian sumber-sumber hutan bakau, sekarang ini dan pada masa hadapan.

"Contohnya, Persidangan Antarabangsa MIMA Mengenai Hutan Bakau beberapa tahun lepas memperjuangkan dasar 'tiada kehilangan bersih', di mana matlamat itu adalah untuk mengimbangi kehilangan yang disebabkan oleh pembangunan ekonomi melalui usaha tebus guna laut, mitigasi dan pemuliharaan - supaya jumlah keluasan kawasan bakau di negara tidak berkurangan, atau kekal sama atau lebih baik lagi terus meningkat.

"Satu contoh baik berhubung pendekatan ini ialah hutan bakau di Matang, Perak. Menerusi satu pendekatan pengurusan bersepadu serta sokongan baik daripada kerajaan, hutan ini menjadi antara

kawasan yang diuruskan dengan baik di bawah sistem pengurusan lestari hutan di Malaysia dan malahan diiktiraf sebagai hutan bakau yang diuruskan dengan baik sekali di dunia," katanya.

Jumlah keluasan hutan bakau di Malaysia dianggarkan 575,000 hektar, dengan 60 peratus daripadanya terdapat di Sabah, 23 peratus di Sarawak dan baki 17 peratus di Semenanjung.

Daripada jumlah itu, 85 peratus diwartakan sebagai rizab hutan, santuari hidupan liar, tapak RAMSAR, dan sebagai taman negeri dan negara. Sebagai contoh, terdapat lima tapak RAMSAR berasaskan kepada hutan bakau di Malaysia yang termasuk Pulau Kukup, Tanjung Piai, Sungai Pulai, Kuching Wetlands, dan Kinabatangan.

Bagaimanapun, hutan bakau di Malaysia telah merosot sebanyak 30 peratus sejak lima dekad yang lepas daripada 800,000 hektar pada 1950-an hingga 575,000 hektar sekarang ini.

Kehilangan hutan bakau adalah tertinggi di Perlis, Selangor, Johor, Sarawak, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang.

Hutan bakau adalah unik khususnya daripada segi keupayaannya untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran yang mencabar. Hutan

bakau menstabilkan pesisir pantai dan melindungi masyarakat pesisir pantai dengan bertindak sebagai zon penimbal terhadap ribut dan angin kencang.

Peranan mereka sebagai penghadang semulajadi yang berkesan terhadap tsunami, taufan, siklon dan kejadian ribut hasil peningkatan suhu bumi adalah penting.

Peranan kritikal ekosistem pesisir termasuk bakau dalam memulihara iklim juga semakin diiktiraf.

"Sebagai contoh istilah 'blue carbon sinks/storage' digunakan untuk mentakrifkan peranan bakau. Daripada kesemua karbon biologi (atau karbon hijau) yang diserap di seluruh dunia, lebih separuh daripadanya (55 peratus) diperangkap oleh organisme hidupan marin dan bukan di darat, oleh itu, ia dikenali sebagai karbon biru. Karbon monoksid yang meningkat berterusan serta wasap rumah hijau lain menyumbang kepada perubahan iklim," katanya.

Lagipun, di kebanyakan negara terutama yang sedang melalui pertumbuhan ekonomi yang pesat menyaksikan peningkatan dalam wasap karbon yang dilepaskan ke atmosfera.

Tetapi hutan bakau yang ditakrif sebagai 'blue carbon' terus menyusut dan begitu juga kemampuannya untuk menyerap karbon monoksid, kata Cheryl.- Bernama

Headline	Malaysia terus kehilangan hutan bakau		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	05 Sep 2013	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	4	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	518 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,177
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,532



HASIL kajian Program Geoinformasi Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) yang merupakan salah satu cabang Jawatankuasa Teknikal Penyelidikan dan Pembangunan (JTRD) untuk Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies Sesuai di Persisiran Pantai Negara mendapati hampir 20 peratus daripada kerosakan Hutan Paya Laut yang serius di bahagian pantai barat semenanjung berpunca daripada hakisan pantai secara semulajadi. (Foto ihsan FRIM).• Bernama